



TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR
KETUA SETIAUSAHA NEGARA

SEMPENA

MAJLIS PELUNCURAN OPERASI RINTIS
AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN
MALAYSIA (AKPS) DI ICQS RANTAU PANJANG,
KELANTAN

1 JANUARI 2025 (RABU)

9.30 PAGI

ICQS RANTAU PANJANG, KELANTAN

SALUTASI

Bismillahirrahmanirrahim,

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis,

- 1. Yang Berbahagia Datuk Awang Alik bin Jeman Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri;**
- 2. YBhg. CP Dato' Sri Hazani Bin Ghazali, Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS);**
- 3. Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Dato' Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan;**
- 4. Yang Berbahagia Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan);**
- 5. Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi;**
- 6. Dif-dif kehormat, para jemputan, dan rakan-rakan media yang saya hormati sekalian; dan**
- 7. Para pegawai-pegawai Kementerian, Jabatan dan Warga AKPS.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam
Sejahtera. Salam Malaysia Madani**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat-Nya, kita telah dapat bersama-sama pada pagi ini di Kompleks ICQS Rantau Panjang, Kelantan untuk **peluncuran Operasi Rintis Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS)**.
2. Saya merakamkan ucapan setinggi tahniah dan penghargaan kepada para pegawai dan barisan kepimpinan AKPS dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang telah memberikan komitmen tidak berbelah bahagi dalam menjayakan Majlis pada pagi ini.
3. Ucapan penghargaan turut saya rakamkan kepada seluruh Kementerian dan Agensi Teras yang telah membentuk fungsi dan operasi AKPS iaitu **Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, MAQIS, Jabatan Pengangkutan Jalan dan PERHILITAN** yang telah bertungkus lumus dan memberikan kerjasama yang cukup baik untuk merealisasikan hasrat kerajaan ke arah pembentukan sebuah agensi tunggal di pintu-pintu masuk negara.

CABARAN PENUBUHAN SEBUAH AGENSI BAHARU

Para hadirin sekalian,

4. Seperti semua sedia maklum, beberapa siri kajian dan perbincangan telah bermula sejak November 2018 sehinggalah kepada **pembentukan Pasukan Nukleus *Single Border Agency* (SBA) pada Oktober 2021** yang telah memperlihatkan usaha berterusan kerajaan untuk menambahbaik ekosistem dan penyampaian perkhidmatan di pintu-pintu masuk negara melalui penubuhan sebuah agensi tunggal.
5. Maka, setelah beberapa sesi perundingan, alhamdulillah hari ini 1 Januari 2025 sejarah tercipta dengan penubuhan dan berkuatkuasanya Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).
6. Tidak dapat dinafikan bahawa penubuhan AKPS ini bukanlah suatu langkah yang mudah. Ia mencabar nilai “TAAT” dan “SETIA” kita selaku pegawai perkhidmatan awam kepada kehendak dan hasrat kerajaan untuk setiap agensi serta kementerian yang terlibat bergerak ke hadapan untuk bersama-sama membentuk sebuah Agensi yang akan melaksanakan fungsi-fungsinya di pintu masuk negara.
7. Langkah ini turut mencabar kita untuk membuktikan bahawa perkhidmatan awam yang bersifat *silo* dan bermentaliti *territorial* merupakan stigma yang perlu diatasi apabila kita meletakkan kepentingan negara mengatasi segala-galanya.
8. Alhamdulillah, lebih 5 agensi teras yang telah nyatakan sebentar tadi berjaya digabungkan dibawah satu agensi penguatkuasa bagi menjaga dan mengawalselia di pintu-pintu masuk sempadan.

9. Saya yakin, ini adalah selaras dengan langkah-langkah penting yang saya usahakan untuk meletakkan asas kukuh dalam **Reformasi Perkhidmatan Awam** dengan menggunakan pendekatan ***Associated dan Integrated (AI)*** yang menekankan kerjasama ***whole-of- government dan whole-of-nation***. Ini sekaligus telah dapat menyatukan usaha semua pihak dan dapat terus mengoptimumkan sumber, penjimatan kos dan diharapkan dapat meningkatkan pengukuhan dalam kutipan hasil negara.
10. Di kesempatan yang sama, saya ingin menekankan kepada peralihan dan penggunaan teknologi bagi memastikan para pegawai Kerajaan khususnya di AKPS dapat menyesuaikan diri dengan teknologi dan ekosistem baharu.
11. Dalam kita mengintegrasikan teknologi canggih seperti sistem biometrik dan analitik data, pegawai-pegawai perlu dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengendalikan alatan dan sistem dengan berkesan. Program latihan dan pembangunan kompetensi yang berterusan adalah penting untuk memastikan pegawai-pegawai AKPS bersedia dengan tuntutan pengurusan sempadan moden.

TUJUAN PENUBUHAN SEBUAH AGENSI TUNGGA SEMPADAN

Hadirin yang saya hormati,

12. Tujuan utama penubuhan AKPS ini diwujudkan adalah untuk menyatukan pelbagai fungsi penguatkuasaan sempadan di bawah satu “*Chain Of Command*.” Terdahulu, pengurusan sempadan di Malaysia melibatkan pelbagai agensi, antaranya seperti kastam, imigresen, kuarantin dan banyak lagi, selalunya membawa kepada ketidakcekapan, pertindihan tugas dan halangan komunikasi.
13. Dengan menyatukan pelbagai fungsi utama ini secara bersepadu di bawah tanggungjawab sebuah agensi, kita akan mewujudkan pendekatan yang terselaras untuk kawalan sempadan yang lebih baik.
14. Sebagai contoh, pengembara yang tiba di sempadan kita perlu melalui lapisan pemeriksaan (*layer of inspection*) berbeza yang diuruskan oleh pelbagai agensi, yang boleh menyebabkan kekeliruan dan kelewatan.
15. Dengan penubuhan AKPS, kita mahu menyediakan pengalaman yang lebih lancar di mana pengembara boleh menjalani semua pemeriksaan yang diperlukan di lapisan pemeriksaan setempat dan tidak terlalu kompleks. Justeru, melalui cara ini, **masa menunggu akan dapat dikurangkan dan seterusnya meningkatkan kepuasan orang awam melalui perkhidmatan kerajaan yang lebih baik.**

KEPERLUAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM KAWALAN SEMPADAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Sepertimana kita semua sedia maklum, perkembangan teknologi sentiasa dinamik dan sentiasa berevolusi, selari dengan kepelbagaian bentuk ancaman (*threats*) kepada keselamatan negara. Yang terkini, **penggunaan teknologi kecerdasan buatan atau (dengan izin) *Artificial Intelligence (AI)*** dalam strategi kawalan sempadan negara adalah sangat kritikal dan diperlukan.
17. Penggunaan teknologi AI dalam kawalan pintu masuk dan sempadan melalui mekanisme yang tepat secara optimum akan membantu pegawai-pegawai kita memantau, menilai, merancang dan menguatkuasakan tindak balas terhadap sebarang bentuk ancaman dan cabaran yang dihadapi di pintu masuk dan sempadan negara.
18. Sebagai contohnya, penyelarasan dan analisis data dari kamera litar tertutup (CCTV) dan mesin pengimbas barangan di pintu masuk yang dilengkapi teknologi AI akan mempertingkatkan keupayaan para pegawai dalam membangunkan analisis risiko di pintu masuk. Pendekatan proaktif ini boleh membantu agensi seperti AKPS dalam memintas potensi ancaman sebelum ia berlaku, sekaligus meningkatkan tahap keselamatan secara keseluruhan di pintu masuk dan sempadan negara.
19. Selain itu, data yang dipacu dengan algoritma lanjutan AI, contohnya (dengan izin) *facial recognition* dan *intelligent document processing* akan membantu memperkemas proses pemeriksaan orang dan barangan oleh pegawai.

20. Senario ini secara langsung akan memastikan proses pelepasan barangan yang berisiko rendah dapat dipercepatkan. Perkara ini sangat penting bagi meningkatkan daya saing pelabuhan-pelabuhan dan terminal-terminal kargo negara.

FAEDAH KEPADA RAKYAT DI KAWASAN SEMPADAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

21. Di sebalik cabaran yang kita hadapi, adalah penting untuk kita menekankan pelbagai manfaat yang akan dibawa oleh agensi ini, terutamanya kepada penduduk yang tinggal di kawasan sempadan khususnya di Rantau Panjang.
22. Langkah kawalan sempadan yang dipertingkatkan akan membawa kepada peningkatan keselamatan, yang penting untuk **mengurangkan jenayah rentas sempadan dan aktiviti penyeludupan.**
23. Menurut statistik oleh PDRM, sempadan Malaysia-Thailand mempunyai 169 lintasan haram yang dikenal pasti tahun lalu. Dengan melaksanakan strategi pengurusan sempadan yang berkesan, kerajaan menyasarkan untuk mengurangkan dan menutup terus lintasan-lintasan atau laluan masuk tidak sah ini.
24. Dengan penubuhan AKPS, kita akan lebih bersedia untuk memantau dan mengawal aktiviti seperti penyeludupan barangan, pengedaran dadah dan senjata api.

PENGHARGAAN DAN PENUTUP

Hadirin yang dihormati,

25. Saya tidak berhasrat untuk berucap panjang dan sekali lagi merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak atas usaha untuk memastikan pelaksanaan Majlis Peluncuran Operasi Rintis Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia di Kompleks ICQS Rantau Panjang, Kelantan ini berjalan dengan lancar.
26. Saya berharap melalui Operasi Rintis AKPS ini, penilaian yang lebih teliti dan berkesan dapat dilaksanakan secara holistik dengan langkah-langkah penambahbaikan yang bersesuaian dibuat bagi memastikan pengoperasian AKPS Fasa Pertama di 21 lokasi pintu masuk yang berikutnya berjalan dengan sempurna.
27. Akhir kata, Saya menyeru semua pihak untuk memberikan sokongan dan dokongan kepada pelaksanaan agenda nasional ini demi memastikan Malaysia terus mengecapi nikmat kemakmuran ekonomi dengan keselamatan rakyat yang terpelihara.

Dengan lafaz **BISMILLAH HIRRAHMA NIRRAHIM**, saya dengan sukacitanya merasmikan **“PELUNCURAN OPERASI RINTIS AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS) DI KOMPLEKS ICQS RANTAU PANJANG, KELANTAN”**.

Sekian, *Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*